



**TEKS UCAPAN
YBRS.TUAN MOHD YAZID BIN SAIRI S.I.S
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 7/2021**

27 JULAI 2021, SELASA

09:30 PAGI SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj Wan
Mahmood Pa' Wan Teh**
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.7/2021 bagi bulan Julai** pada pagi yang berbahagia ini.
2. Pertamanya, seperti semua sedia maklum, ini merupakan kali pertama saya berucap sebagai Yang Dipertua MPS yang baharu di dalam Mesyuarat Majlis MPS. Dan sebelum saya meneruskan ucapan pada pagi ini, saya mengharapkan kerjasama dan sokongan daripada tuan puan untuk kita bersama-sama melontarkan cadangan, berkongsi pendapat dan idea bagi menambahbaik mutu perkhidmatan perbandaran MPS ini.

PENGOPERASIAN PEJABAT SEPANJANG TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PNN) FASA PERTAMA

3. Selaras dengan pelaksanaan tempoh Pelan Pemulihan Negara (PNN) Fasa Pertama, saya ingin memaklumkan bahawa kehadiran pegawai dan kakitangan yang bertugas di pejabat adalah pada tahap 40% dengan mengikut waktu bekerja flexi dan 60%

dikehendaki Bekerja Dari Rumah (BDR) mengikut jadual penggiliran yang ditetapkan oleh Pengarah Jabatan masing-masing berdasarkan arahan daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Ketua Setiausaha Negara. Untuk makluman semua, perkhidmatan MPS juga telah disesuaikan di mana tempoh perkhidmatan melibatkan kaunter bayaran Ibu Pejabat MPS, kaunter perkhidmatan MPS Lobi Sayap A dan kaunter pandu lalu akan beroperasi pada jam 8.30 pagi sehingga 4.00 petang pada hari Isnin hingga Jumaat. Untuk kaunter Pejabat Cawangan MPS pula akan ditutup sepanjang tempoh PNN sebagai salah satu langkah bagi mencegah penularan wabak Covid-19.

4. Ingin saya ingatkan di sini, segala urusan di kaunter perkhidmatan MPS hendaklah dibuat melalui janji temu terlebih dahulu. Tempahan slot janji temu boleh didapati di laman web www.mps.gov.my.

5. Selain itu juga, orang ramai yang ingin berurusan dengan MPS perlu memaparkan status pelawat melalui aplikasi MySejahtera manakala warga emas yang berumur 60 tahun dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah tidak dibenarkan untuk memasuki premis MPS. Walaupun situasi ini kelihatan memberi sedikit kesulitan kepada para pelanggan, saya berharap semua dapat bersabar demi keselamatan kita semua.
6. Dan sebagai alternatif, MPS menggalakkan orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan dalam talian bagi melakukan sebarang transaksi pembayaran dan permohonan bagi mengelakkan risiko penularan wabak Covid-19. Antara perkhidmatan dalam talian yang ditawarkan ialah seperti:
 - **E-Aduan** – Melaporkan aduan/ menyemak status aduan
 - **E-Lesen** - Permohonan lesen baharu secara dalam talian
 - Sistem Tender Selangor - Pembelian dokumen tender dan sebutharga

- **OSC Online 3.0 Plus** - Permohonan cadangan pemajuan melibatkan kebenaran merancang/ plan bangunan/ plan kejuruteraan/ plan landskap
 - **MyMPS** - Membuat semakan dan pembayaran bil cukai taksiran
 - **E-Dewan**- Membuat tempahan dewan MPS secara dalam talian
 - **Semakan penyata lesen anjing** - Semakan maklumat penyata dan maklumat anjing yang telah didaftarkan di MPS.
7. Walaubagaimanapun, MPS akan terus komited memberikan perkhidmatan terbaik meskipun dalam tempoh PPN ini, kakitangan diarahkan untuk bekerja secara penggiliran dan bekerja dari rumah (BDR).

PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

8. Untuk makluman, sehingga 30 Jun 2021, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2021 sebanyak RM51.38 juta (95.15%) daripada RM54 juta.
9. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM5.36 juta (65.76%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM8.15 juta.
10. MPS telah mengeluarkan waran tahanan bagi pemilik yang mempunyai tunggakan RM200.00 ke atas bermula 16 April 2021. Sebanyak 29,641 keping waran telah dikeluarkan dan 11,582 keping waran telah dihantar sehingga 31 Mei 2021. Baki waran dan tindakan rampasan bagi penggal 1/2021 tidak dapat dijalankan disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 1 Jun 2021 hingga 28 Jun 2021 dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di daerah Gombak pada 3 Julai 2021 hingga 16 Julai 2021.

11. Kepada pemilik yang ingin menjelaskan tunggakan cukai taksiran, pemilik layak diberi pertimbangan pengurangan waran tahanan bagi bayaran secara penuh atau ansuran.
12. MPS juga mengadakan kempen bayar tunggakan cukai taksiran bagi rumah kampung dan kos rendah. Bagi pemilik yang membuat bayaran secara penuh, pembatalan waran tahanan 100% dan pengurangan caj dikenakan 50% akan diberikan. Maklumat mengenai kelayakan pengurangan boleh diperolehi di kaunter bayaran cukai taksiran MPS.
13. Untuk makluman, MPS telah mengeluarkan bil cukai taksiran penggal 2/2021 secara digital pada 25 Jun 2021. Semakan dan bayaran bil cukai boleh dilakukan di <https://mymps.mps.gov.my>. Semua pihak diminta menyebar luaskan berkaitan bil cukai taksiran secara digital ini kepada orang awam.

PELETAKAN JAWATAN AHLI MAJLIS ZON 19, MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

14. Adalah dimaklumkan, saya telah menerima surat peletakan jawatan daripada Puan Salasiah binti Disa, Ahli Majlis Zon 19 yang akan berkuatkuasa 1 Ogos 2021 ini.

15. MPS mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih di atas kerjasama, komitmen, sumbangan, nasihat dan pandangan yang telah diberikan sepanjang beliau berkhidmat sebagai Ahli Majlis.

PELANTIKAN SEBAGAI AHLI MAJLIS ZON ANGKAT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

16. Untuk makluman, Majlis Perbandaran Selayang dengan sukacitanya telah menimbang dan bersetuju melantik Tuan Sulaiman bin Abu Samah, Ahli Majlis Zon 14 sebagai Ahli Majlis Zon Angkat bagi kawasan Zon 19 berkuatkuasa 1 Ogos 2021 yang sebelum ini disandang oleh Puan Salasiah binti Disa.

17. Untuk makluman, beliau juga akan menganggotai Jawatankuasa Pengindahan Bandar dan Jawatankuasa Kemasyarakatan yang sebelum ini dianggotai oleh Puan Salasiah. Pelantikan ini berkuatkuasa sehingga pelantikan Ahli Majlis yang baharu dilantik.

**PROGRAM BANTUAN BAKUL MAKANAN COVID-19
SELAYANGKU SAYANG**

18. Seterusnya, menyedari impak Covid-19 yang memberi kesan kepada setiap lapisan masyarakat, MPS telah menggerakkan bantuan menerusi Program Bantuan Covid-19 Selayangku Sayang.

19. Program Bantuan Covid-19 Selayangku Sayang ini merupakan inisiatif MPS untuk membantu keluarga yang terkesan akibat wabak Covid 19 terutama sepanjang PKPD dilaksanakan bermula pada 3 Julai 2021 yang lalu. Melalui program ini, sebanyak RM120,000.00 telah diperuntukkan bagi penyediaan 2400 unit bakul makanan yang diedarkan secara berperingkat kepada seluruh 24 Zon JKP MPS dengan kerjasama Ahli Majlis MPS.

20. Alhamdulilah pada hari ini saya dimaklumkan satu lagi sumbangan dari pihak swasta akan diterima berupa 500 kotak makanan yang kemudian akan diedarkan kepada mereka yang memerlukan. Terima kasih diucapkan kepada semua penyumbang.

PROGRAM BANTUAN BAZAR RAMADAN MPS

21. Dikesempatan ini, saya juga ingin memaklumkan seramai 148 orang peniaga di seluruh pentadbiran perbandaran Selayang masih belum membuat permohonan Bantuan Bazar Ramadan MPS. Justeru, saya berharap agar Ahli-Ahli Majlis MPS dapat menguar-uarkan bantuan bazar Ramadan ini kepada para peniaga yang masih belum berbuat demikian di kawasan zon masing-masing. Permohonan bantuan ini boleh dilakukan menerusi laman sesawang Selangor Prihatin selewat-lewatnya pada 31 Julai 2021.

**PROGRAM PUBLISITI DAN PENDENGARAN AWAM BAGI
DRAFT RANCANGAN TEMPATAN MPS2030 (PENGGANTIAN)
(DRTMPS2030)**

22. Pada 30 Jun yang lalu, telah berakhirnya Program Publisiti dan Pendengaran Awam bagi Draft Rancangan Tempatan MPS 2030 (Penggantian) (DRTMPS2030). Seperti semua sedia maklum, penyediaan Draf Rancangan Tempatan Penggantian 2030 ini akan membantu MPS ke arah pembentukan perancangan menjadi sebuah majlis perbandaran yang mampan, berteknologi dan berdaya saing serta mempunyai hala tuju untuk menjadi perbandaran yang seimbang ke arah kelestarian, masyarakat, ekonomi dan alam sekitar.
23. Untuk makluman, MPS telah menerima sebanyak 166 bantahan terhadap cadangan pembangunan yang telah disediakan dalam DRTMPS2030 (Penggantian). Setiap bantahan ini dijangka akan dibentangkan di dalam Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan

Pendengaran pada bulan September 2021 untuk diambilkira dalam memuktamadkan Draf Rancangan Tempatan sebelum diluluskan.

PEMAKLUMAN TASK FORCE KILANG TANPA KEBENARAN (KTK) DI KAWASAN PENTADBIRAN PERBANDARAN SELAYANG

24. Seperti semua sedia maklum, MPS telah menjalankan task force kilang tanpa kebenaran bermula tahun lepas bagi melaksanakan program pemutihan dan langkah-langkah yang bersesuaian untuk menghapuskan kilang tanpa kebenaran (KTK). Sehingga kini, MPS telah membuat bincian bagi program pemutihan ke atas premis-premis di seluruh kawasan pentadbiran Selayang dengan jumlah sebanyak 1,513 premis. Daripada jumlah tersebut, hanya 30% sahaja daripada kilang-kilang berkenaan telah mengemukakan maklum balas untuk pengemaskinian data.

25. MPS menganggarkan sebanyak 50% borang pengesahan program pematuhan syarat teknikal dan penguatkuasaan kilang tanpa kebenaran akan dikeluarkan sebelum bulan September ini.
26. MPS akan meneruskan kajian bagi kawasan yang belum dibenci dengan cara melantik perunding bagi menyelesaikan baki kilang tanpa kebenaran yang dianggarkan sebanyak 500 premis lagi.

AKTIVITI PEMANTAUAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

27. Saya juga ingin berkongsi berkenaan aktiviti dan statistik pemantauan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula 13 Julai sehingga 23 Julai 2021. Untuk makluman, sebanyak 420 premis dan 9 penjaja telah dilawat dan sebanyak 67 premis telah diperiksa. Sepanjang 11 hari aktiviti pemantauan dijalankan, sebanyak 4 notis telah dikeluarkan, 6 kompaun telah diberikan dan 1 premis telah diarahkan untuk

ditutup. Sebanyak 55 amaran lisan juga telah diberikan kepada para peniaga untuk mematuhi SOP PKP yang telah digariskan.

28. Untuk makluman semua, tindakan penguatkuasaan dan pemantauan ini telah kita jalankan di semua pasar-pasar awam, bengkel kenderaan, kawasan-kawasan awam, premis perniagaan, penjaja, badan pengurusan bersama JMB/MC di seluruh pentadbiran perbandaran Selayang dan di kilang-kilang. Sepanjang pemantauan dijalankan, MPS telah mengenalpasti kilang-kilang yang beroperasi telah mendapat surat kelulusan daripada pihak MITI untuk beroperasi.
29. Walaubagaimanapun, MPS dari masa ke semasa akan terus membuat pemantauan dan tindakan penguatkuasaan bagi memastikan rantai pandemik Covid-19 dapat diputuskan di kawasan pentadbiran perbandaran Selayang.

AMALAN PENJARAKAN SOSIAL

30. Memandangkan jumlah kes jangkitan Covid-19 kian meningkat setiap hari, ingin saya ingatkan kepada semua untuk sentiasa mengamalkan disiplin kendiri yang tinggi, elakkan tempat yang sesak, jaga penjarakan fizikal, bersihkan tangan pada setiap masa, mengamalkan kebersihan kendiri yang baik dan digalakkan untuk memakai pelitup muka berganda (double face mask) bagi mengurangkan risiko kepada pendedahan virus.

31. Saya berharap kita semua dapat menyokong usaha dan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dan memerangi wabak Covid-19 ini dengan mematuhi arahan yang telah ditetapkan.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA LT.KOL.(B) HJ. AZMI BIN ISMAIL, PENGARAH PENGUATKUASA DAN KESELAMATAN MPS

32. Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya juga ingin memaklumkan, Yang Berusaha Lt.Kol.(B) Hj.Azmi bin Ismail, Pengarah Penguatkuasa dan Keselamatan MPS akan bersara dan menamatkan perkhidmatan beliau pada 29 Julai 2021 iaitu pada hari Khamis ini.

33. Justeru, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas khidmat bakti beliau selama hampir dua belas tahun berkhidmat dalam membantu memajukan MPS. Sesungguhnya, saya dan warga MPS amat menghargai jasa tuan. Semoga Tuan Hj Azmi dikurniakan kesihatan yang baik dan selamat maju jaya diucapkan. InshaAllah panjang umur, kita akan berjumpa lagi...

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh